



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGLIBATAN PEMAIN BOLA SEPAK SUKAN TERAS SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN NARINANG BAWAH 18 TAHUN DAN
KESANNYA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK

SABINAH BINTI DAMINTING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGLIBATAN PEMAIN BOLA SEPAK SUKAN TERAS SEK. MEN. KEB.
NARINANG BAWAH UMUR 18 TAHUN DAN KESANNYA
TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK

SABINAH BINTI DAMINTING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali
nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

14.4.2007



SABINAH BINTI DAMINTING
20061000019





PENGHARGAAN

Demi nama Tuhan yang amat mengetahui lagi Pemurah maha Penyayang.

Salam Sejahtera,

Saya sebagai seorang pelajar amat bersyukur dan dengan sukacitanya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tiada terhingga kepada Yang Berbahagia Dr. Ong Kuan Boon selaku penyelia projek di atas usaha, bimbingan dan sokongan beliau sehingga saya berjaya menghasilkan satu bahan penulisan ilmiah walaupun ia merupakan sebagai satu tugas yang dipelajari oleh sesiapa sahaja pelajar universiti yang sentiasa mencari dan menggali ilmu .

Saya juga tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli keluarga, kakak, abang serta semua rakan seperjuangan yang telah memberi sumbangan dari segi nasihat, perkongsian ilmu dan idea, memberikan sokongan moral, motivasi, pengorbanan tenaga dan masa samada secara langsung mahupun tidak langsung.

Saya amat yakin dan pasti semua usaha yang dicurahkan amat berharga dan bersesuaian sekali sejajar dengan misi UPSI iaitu menjana dan menatar ilmu menerusi pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan perundingan. Selain itu usaha juga bertepatan dengan hasrat universiti untuk melahirkan graduan-graduan yang berwawasan dan berwibawa dengan harapan ia menjadikan UPSI lebih gah sebagai sebuah universiti





bertaraf dunia terutamanya dalam menerajui aktiviti penyelidikan dan akademik seterusnya menjulang nama universiti di pentas dunia pada masa akan datang.

Akhir sekali saya amat berharap agar bahan penulisan ini memberi manfaat kepada para pengamal bidang Sains Sukan khususnya dan secara amnya kepada para pendidik bagi menjana minda dan idea yang lebih lestari berkonsepkan *futuristic*.

Sekian,

*Sabinah Binti Daminting,
Program Sarjana Pendidikan Sains Sukan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim,
Perak D.R.*





ABSTRAK

PENGLIBATAN PEMAIN BOLA SEPAK SUKAN TERAS SMK. NARINANG BAWAH 18 TAHUN DAN KESANNYA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penglibatan sukan dan kesannya terhadap pencapaian akademik. Pengukuran pencapaian akademik berlandaskan keputusan peperiksaan pertengahan tahun dan hujung tahun yang diduduki oleh responden pada tahun 2006. Kajian ini juga bertujuan melihat perkaitan yang terdapat di antara jumlah perwakilan sukan di peringkat MSSG dan MSSN dengan prestasi



pencapaian akademik responden.

Responden seramai 28 orang dipilih di kalangan pelajar atau atlit lelaki yang aktif dalam sukan teras bola sepak yang mewakili sekolah sekurang-kurangnya ke peringkat MSSG dan MSSN dipilih secara persampelan kelompok. Satu set soal-selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A butir-butir diri responden yang mengandungi 5 item. Bahagian B pula ialah butir-butir akademik responden. Bahagian C₁ pula tahap penglibatan dalam sukan yang mempunyai 8 item. C₂ pula faktor pendorong / penghalang dalam penglibatan sukan yang mengandungi 6 item. Soal-selidik diberikan kepada responden pada sebelah petang sebelum sesi latihan dijalankan.





Keputusan kajian menunjukkan bahawa:

- i. Penglibatan pelajar-pelajar secara aktif dalam sukan teras sehingga mencapai ke tahap peringkat MSSG dan MSSN masih dapat mengekalkan kecemerlangan dalam bidang akademik masing-masing.
- ii. Tahap perbezaan pencapaian akademik antara tingkatan tiga dan empat tidak berlaku walaupun kedua-dua kumpulan ini bergiat aktif dalam sukan teras.
- iii. Dapatan kajian juga turut menunjukkan bahawa tiada kesan perbezaan pencapaian akademik di kalangan responden yang melibatkan diri secara aktif dalam satu atau lebih daripada satu jenis permainan .





ABSTRACT

SMK NARINANG'S UNDER 18 FOOTBALL PLAYERS' CORE SPORT INVOLVEMENT AND IT'S EFFECT ON ACADEMIC ACHIEVEMENT

The aimed of this research is to study the level of sport involvement its effect on academic achievement. The measurement of academic was based on the mid and end of the year 2006 exam. This study is also aimed to see the relation between the number of sport representative at MSSG and MSSN level with respondents' academic achievement.

A number of 28 respondents were chosen among the students or men athlete, whom were active in the core sport of football and represented their school at least at the level of MSSG and MSSN, were chosen by the used of cluster sample. A set of questionnaire which contain three sections, namely section A, B, and C, were used in this research. Section A has 5 items which contain respondents' individual items, whereas Section B focuses on respondents' academic items, and Section C₁ is asking for the level of respondents' sport involvement which has 8 items, whereas Section C₂ focuses on motivation or barrier in sport involvement which has 6 items. Questionnaire was given to the respondents in the afternoon before the practice was held.





The result study showed that:

- i) Students' active involvement in core sport such as until the level of MSSG and MSSN, still able to maintain their excellence in academic domain.
- ii) The level of academic achievement's difference between the form 4 and 5 student do not exist although both group is active in core sport.
- iii) The results of the study also showed that there is no difference effect on academic achievement among the respondent which were actively involved in one or more type of sport.





KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK DALAM BAHASA MELAYU	v
ABSTRAK DALAM BAHASA INGGERIS	vii
KANDUNGAN	vi
DAFTAR JADUAL	ix
DAFTAR RAJAH	xi
DAFTAR SINGKATAN	xii

BAB I PENGENALAN

1.1	Pengenalan.....	1
1.2	Pernyataan Masalah.....	8
1.3	Objektif Kajian.....	11
1.4	Hipotesis Kajian.....	12
1.5	Definisi Operasional.....	13
1.6	Batasan Kajian.....	14





1.7	Limitasi Penyelidikan.....	15
1.8	Kepentingan Kajian.....	16

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Kajian-kajian Berkaitan.....	18
2.2	Rumusan.....	27

Bab 3 METODOLOGI KAJIAN



3.1	Rekabentuk Kajian.....	30
3.2	Populasi dan Persampelan Kajian.....	31
3.3	Pembolehubah Kajian.....	32
3.4	Kerangka Konseptual.....	34
3.5	Instrumen Kajian.....	35
3.6	Kajian Rintis.....	36
3.7	Prosedur Kajian.....	37
3.8	Analisis Data.....	38

BAB 4 DAPATAN KAJIAN



4.1	Analisis dapatan kajian.....	42
-----	------------------------------	----



BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan.....	62
5.2	Kesimpulan.....	66
5.3	Cadangan.....	68

RUJUKAN





DAFTAR JADUAL

Jadual

Muka Surat

1	Ujian Indeks Kebolehpercayaan Instrumen Kajian: Analisis Pekali Cronbach Alpha.....	41
2	Taburan Butir-butir peribadi responden.....	43
3.	Taburan butir-butir akademik responden.....	45
4.	Taburan pencapaian akademik mengikut tingkatan di tahap menengah rendah.....	47
5.	Taburan peringkat penglibatan sukan di Tahap menengah rendah.....	48
6.	Taburan pencapaian akademik mengikut peringkat Penglibatan sukan di tahap menengah rendah.....	49
7.	Taburan perwakilan mengikut bilangan permainan di peringkat MSSG dan MSSN.....	50
8.	Taburan pencapaian akademik mengikut perwakilan bilangan permainan di peringkat MSSG dan MSSN.....	50
9.	Taburan jumlah hari latihan sukan mengikut di sekolah.....	51





10.	Taburan jumlah hari latihan sukan mengikut minggu di sekolah.....	52
11.	Taburan factor-faktor pendorong penglibatan dalam sukan.....	53
12.	Taburan faktor-faktor penghalang penglibatan sukan di tahap menengah rendah.....	54
13.	Taburan persepsi kemerosotan prestasi sukan di tahap menengah atas.....	55
14.	Taburan faktor-faktor penglibatan prestasi sukan.....	56
15.	Analisis kolerasi : Perkaitan antara pencapaian Akademik dengan peringkat penglibatan sukan di Majlis Sukan Sekolah-sekolah.....	58
16.	Ujian t : Perbezaan antara tingkatan empat lima dengan pencapaian akademik.....	59
17.	Ujian t : Perbezaan antara bilangan permainan diwakili dengan tahap pencapaian akademik.....	60





DAFTAR RAJAH

Rajah

Muka Surat

1	Carta Alir Kerangka Konseptual.....
---	-------------------------------------

34



DAFTAR SINGKATAN

Singkatan		Muka Surat
ACT	: Ujian syarat kemasukan kolej	23
CGPA	: Purata nilai gred keseluruhan	26
GPA	: Purata nilai gred semester	19
ISN	: Institut Sukan Negara	3
ITM	: Institut Teknologi Mara	4
I.Q	: Darjah Kecerdasan	22
MOM	: Majlis Olimpik Malaysia	4
MSN	: Majlis Sukan Negara	2
MSSN	: Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri	12
MSSG	: Majlis Sukan Sekolah-sekolah Gabungan	12
PJK	: Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	4
SAT	: Jumlah Skor Purata Akademik	20
SPSS	: Statistical Packages for the Social Sciences	37
SRP	: Sijil Rendah Pelajaran	10
SUKMA	: Sukan Malaysia	3
UPM	: Universiti Putra Malaysia	4
UUM	: Universiti Utara Malaysia	5



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sukan dan permainan bukan lagi merupakan suatu perkara baru di kalangan masyarakat negara ini, khususnya dalam arena pendidikan. Berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara (1990), fungsi pendidikan memainkan peranan untuk membentuk insan yang seimbang dan harmonis secara menyeluruh dan bersepadu baik dalam aspek jasmani, emosi, rohani mahupun intelek. Sekolah sebagai institusi pendidikan yang bukan sahaja bertanggungjawab dalam mendidik tetapi juga memperkembangkan potensi individu ke tahap yang paling optimum. Bagi merealisasikan matlamat ini, kita sebagai pendidik seharusnya bersedia untuk memikul tanggungjawab bagi mengatasi beberapa masalah yang timbul dan sering dihadapi oleh murid atau pelajar yang melibatkan diri dalam sukan dan permainan.

Sehubungan itu, pengkaji menyatakan pentingnya tajuk yang berbunyi “Penglibatan pemain Boa Sepak sebagai sukan teras SMK Narinang bawah 18 tahun dan kesan terhadap pencapaian akademik” telah dipilih sebagai tunjang ke arah





pembangunan insan untuk melahirkan generasi alaf baru yang cergas dan cerdas menjelang tahun 2020. Sebagai seorang guru atau jurulatih pula, mereka perlu tahu apakah strategi-strategi yang sesuai dan perlu digunapakai bagi meningkatkan serta mengekalkan penglibatan pelajar atau atlit yang berpotensi tadi untuk terus cemerlang dalam bidang yang dipilih. Di sinilah peranan seorang pendidik yang sebenar bagi mencungkil serta memupuk minat dan meningkatkan potensi individu secara menyeluruh. Ini membuktikan lahirnya semangat baru rakyat Malaysia dalam bidang sukan dan memasuki era kecemerlangan dan kegemilangan dalam usaha untuk meningkatkan imej dan prestij sukan negara di peringkat antarabangsa.

Dalam pada itu, sukan telah berjaya memartabat dan mengharumkan nama negara di mata dunia, susulan kejayaan Malaysia menganjurkan temasya sukan yang kedua terbesar dunia iaitu Sukan Komanwel ke-XVI, berjaya menganjurkan sukan bertaraf dunia – Formula One, LeTour De Langkawi dan seumpamanya. Menurut Muhd. Izhar Abu Samah (1998), atlet-atlet negara telah menunjukkan prestasi serta semangat yang menakjubkan dan berjaya meraih 10 pingat emas, 14 perak dan 12 gangsa, meletakkan negara di tangga keempat daripada 70 penyertaan negara Komanwel. Ini merupakan satu pencapaian terbaik negara sejak Sukan Komanwel di Hamilton, Kanada pada tahun 1930. Detik-detik bersejarah itu telah meninggalkan banyak kenangan manis kepada kita.

Menurut Ali Mahmood (1998), demi mengelak daripada ketandusan atlet-atlet muda yang bakal menjadi pelapis sukan negara, Kementerian Pendidikan Malaysia atas kerjasama daripada pihak Majlis Sukan Negara (MSN) telah menubuhkan tiga buah sekolah sukan iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil, Sek.Men.Sultan Abdul Aziz Shah dan



sekolah sukan Bandar Penawar, Johor. Mengikut kenyataan dari Pengarah Pembangunan Atlet (MSN), (En. Mohd Zaki Abd. Rahman), sekolah-sekolah sukan berkenaan bertujuan untuk menempatkan atlet-atlet muda yang berbakat dan atlet-atlet remaja yang berpotensi dari seluruh negara untuk diketengahkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai jaguh bersilih ganti yang dapat memantapkan mutu prestasi sukan negara pada masa-masa akan datang.

Menyedari kepentingan untuk menghasilkan pasukan-pasukan sukan dan permainan yang bertaraf dunia, atas usaha (MSN) dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) dan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan telah melancarkan Program Tunas Cemerlang sejak dari tahun 1989.

Program pembangunan dan perkembangan bakat di peringkat sekolah-sekolah untuk semua negeri, di seluruh Malaysia ini bertujuan untuk mewujudkan satu corak latihan yang berkualiti, sistematik dan berkesinambungan sepanjang tahun. Atlet-atlet muda berumur antara 12 hingga 14 tahun yang berpotensi akan dipilih untuk menyertai program latihan berpusat di Kompleks Sukan Bukit Jalil, di bawah anjuran Institut Sukan Negara (ISN).

Tindakan dan usaha yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Sukan Negara telah memberi nafas baru dengan lahirnya program-program aktiviti sukan seperti SUKMA, MSSM, Projek Tunas Cemerlang, Projek Gemilang 98', Projek Asia Com dan sebagainya. Di samping itu, (MSN) dan (MSSM) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia membuktikan



komitmen dengan memberi pelbagai anugerah dan penghargaan kepada pelajar-pelajar yang berjaya dalam bidang sukan dan bidang akademik.

Ini termasuklah pemberian biasiswa pada setiap tahun kepada pelajar cemerlang yang pernah mengambil bahagian dalam pertandingan yang diiktiraf oleh (MSSM) dan (MSN) itu sendiri, atau pengiktirafan daripada Majlis Olimpik Malaysia (MOM). Terutamanya bagi atlet-atlet pelajar yang menyertai kejohanan bertaraf antarabangsa. Menurut Ali Mahmood (1998), atlet-atlet muda yang cemerlang dalam akademik akan diberikan tawaran untuk melanjutkan pelajaran peringkat lebih tinggi di Institut Teknologi Mara (ITM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris atau Universiti Malaya.



Peranan dan usaha cemerlang yang telah dijalankan oleh Majlis Sukan Negara dalam program pembangunan sukan negara selama ini amat membanggakan dan telah mendapat pujian dari negara luar kerana dapat menyediakan peruntukan yang cukup besar untuk kemudahan prasarana dan kepakaran dalam pelbagai bidang sukan, dilengkapi dengan peralatan dan penyelidikan yang serba baru dan moden, berteknologi canggih serta saintifik. Walau bagaimanapun hasil pencapaian mutu sukan dari program sukan jangka panjang tersebut masih belum cukup memuaskan malah ada pihak mula mempertikaikan keberkesanan pelaksanaannya. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Majlis Sukan Negara (MSN), program penyediaan atlet telah bermula sejak dari pelancaran Program Jaya 98 untuk Sukan Komanwel kali ke 16, pada tahun 1993 hingga 1998 dan kini tahun 2007. Kejayaan pasukan negara yang boleh dibanggakan sehingga kehari ini adalah datang dari sukan seperti badminton, hoki, boling padang, squasy,





angkat berat, bina badan, menembak, gimnastik dan gimrama. Manakala sukan-sukan yang dianggap popular seperti bola sepak dan olahraga masih jauh ketinggalan bukan sahaja diperingkat Asia mahupun di peringkat Asia Tenggara.

Dari sudut lojiknya jika seseorang atlet muda bermula dari tahun 1993, bermakna sudah 12 tahun atlit tersebut mengikuti program sukan terancang yang telah diperkenalkan oleh Majlis Sukan Negara mengikut sukan yang diceburinya. Jika sekiranya atlit bermula pada umur 10 tahun bermakna atlit tersebut sekarang berumur 22 tahun dan ini merupakan puncak karier bagi kebanyakan atlit sukan dalam mencipta namanya diperingkat antarabangsa. Sepatutnya kita sudah jauh lebih maju dan berjaya dalam bidang sukan namun sebaliknya ia tidak memberikan hasil yang diharapkan khususnya dalam sukan bola sepak.



Di sekolah-sekolah atau pusat-pusat pengajian tinggi, sukan dan permainan diberi tumpuan yang tidak kurang sama pentingnya dengan bidang akademik. Permainan dan sukan disalurkan melalui Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) serta gerakerja ko-kurikulum di institusi pendidikan. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (1961), Akta Pelajaran ada dinyatakan secara jelas bahawa masa mesti diperuntuk untuk pelajar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang terdiri daripada sukan dan permainan, kelab-kelab dan persatuan serta unit-unit beruniform. Seajar dengan akta tersebut Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling terbaru Bil. 2/2007 menyatakan maksud yang amat jelas tentang pelaksanaan kegiatan dan aktiviti kokurikulum di semua sekolah di seluruh negara. Di mana setiap sekolah harian biasa wajib memperuntukkan 180 minit seminggu jumlah waktu ini seharusnya dilaksanakan





seperti yang diarahkan oleh Kementerian Pelajaran. Penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum adalah diwajibkan di semua sekolah dan perancangan dan pengelolaannya tertakluk kepada kebijaksanaan sesebuah institusi atau sekolah itu sendiri. Selain itu, ko-kurikulum juga berperanan dalam memupuk kemesraan di antara pelajar-pelajar yang terdiri daripada berbilang kaum, bangsa dan agama.

Menurut Faridah Karim (1990), perkara ini telah diberi penegasan oleh Y.B. Menteri Pendidikan sendiri pada tahun 1984. Peranan Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk meningkatkan mutu pendidikan dan pelajar pula wajib untuk melibatkan diri dalam aktiviti ko-kurikulum. Ini akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar sebagai dorongan dalam perkembangan bakat, kreativiti, potensi dan kelastarian diri ke tahap yang optimum. Lazimnya, sukan dan permainan dianggap sebagai suatu kuasa sosial dan aktiviti fizikal yang lebih bersifat positif. Menerusi aktiviti dan latihan sukan, insan yang sihat sejahtera, harmonis dan seimbang dalam aspek mental, jasmani, rohani, emosi dan sosial dapat dibentuk. Akan tetapi, di negara kita masih ada masyarakat yang beranggapan bahawa sukan itu memberi kesan negatif terhadap proses perisian kurikulum khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran di sesebuah institusi atau sekolah. Tanggapan ini bukan sahaja melibatkan masyarakat dan ibu bapa, malah sebahagian besar pelajar dan segelintir pendidik atau guru. Mereka menyalahkan faktor penglibatan dalam sukan sebagai penyebab kemerosotan pencapaian akademik.

Tanggapan seperti ini haruslah dikikis dan perlulah dibuktikan kepada masyarakat bahawa aktiviti sukan tidak seharusnya memberi kesan yang negatif terhadap kecemerlangan akademik pelajar. Salah satu cara untuk membuktikan tanggapan seperti



ini tidak berasas adalah melalui kepimpinan di sesebuah sekolah yang menganggap subjek Pendidikan Jasmani dan kesihatan serta Sains Sukan bukan lah subjek atau mata pelajaran di pinggiran, sebaliknya melihat mata pelajaran ini sebagai satu prospek yang boleh meningkatkan imej dan prestasi sesebuah sekolah. Ini disebabkan kedua-dua mata pelajaran ini merupakan perintis dalam melahirkan atlit-atlit muda yang seterusnya mampu mempersembahkan prestasi tinggi dalam bidang sukan yang diceburi.

Menurut kertas kerja yang dibentangkan oleh Hussein Mahmood, (1985) dalam seminar kenangsaan di Universiti Utara Malaysia (UUM), satu tinjauan telah dibuat oleh Unit Disiplin Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran pada tahun 1983. Didapati (83%) daripada pelajar-pelajar beranggapan bahawa kegiatan ko-kurikulum

 sedikit pun tidak menjejaskan kecemerlangan dalam bidang akademik.      ptbupsi

Mengikut Redy Jeffry Mohdm Ramli (1997), perkara ini memang benar dan dapat dilihat melalui penglibatan sukan oleh pelajar-pelajar muda yang telah mencipta nama di peringkat antarabangsa semasa alam remaja lagi seperti Jeffery Ong, Nurul Huda Abdullah, Lim Keng Liat, (sukan renang) Ryan Tan, Nicol Ann David (ratu skuas negara), Ong Beng Hee, Shalin Zulkifli, Chai Song Lip, dan seumpamanya. Atlet-atlet remaja ini pada masa yang sama juga merupakan golongan yang banyak memikul tanggungjawab terhadap pelajaran dan keputusan mereka dalam bidang akademik tidak menunjukkan tanda kemerosotan malah memperoleh pencapaian akademik yang lebih cemerlang.

Menurut Ali Mahmood (1998), atlet muda lompat kijang negara, Chai Song Lip walaupun terpaksa mengikuti latihan pusat yang padat di UPM tetapi masih mampu



menjadi pelajar yang cemerlang dalam jurusan kejuruteraan universiti tersebut. Ini membuktikan bahawa kecemerlangan akademik seseorang pelajar sebenarnya tidak dipengaruhi oleh penglibatan yang aktif dalam bidang sukan. Justeru itu, dengan adanya pengurusan masa yang terbaik di antara akademik dan sukan, sudah tentu pelajar-pelajar muda lebih berjaya di dalam kedua-dua bidang ini. Demi mencapai hasrat itu, pemupukan minat terhadap bidang sukan harus bermula dari peringkat awal persekolahan lagi. Perancangan program sukan yang sistematik dan teratur bermula dari peringkat akar umbi dapat menjamin keberkesananannya ke arah pembentukan insan yang berketrampilan, progresif dan berkemampuan untuk bersaing sejajar dengan hasrat negara untuk melahirkan generasi muda berwibawa yang cergas dan cerdas seterusnya akan menyumbang ke arah merealisasikan Kecemerlangan, Kegemilangan dan Keterbilangan dalam bidang sukan dan akademik menjelang tahun 2020.

1.2 Penyataan Masalah

Menurut Abdul Malik Hussein (1998), penganalisis sukan tanah air, Prof. Dato' Khoo Kay Kim menyatakan bahawa selama ini masyarakat terutamanya ibu bapa, pelajar dan para pendidik masih kurang yakin bahawa kecemerlangan dalam bidang sukan harus diberi penghargaan yang penting dalam pendidikan. Mereka membayangkan bahawa masa depan dan pencapaian akademik pelajar akan terjejas dengan penglibatan yang aktif dalam bidang sukan dan permainan. Tidak dapat disangkalkan lagi oleh pengkaji bahawa





ini tidak berasas adalah melalui kepimpinan di sesebuah sekolah yang menganggap subjek Pendidikan Jasmani dan kesihatan serta Sains Sukan bukan lah subjek atau mata pelajaran di pinggir, sebaliknya melihat mata pelajaran ini sebagai satu prospek yang boleh meningkatkan imej dan prestasi sesebuah sekolah. Ini disebabkan kedua-dua mata pelajaran ini merupakan perintis dalam melahirkan atlit-atlit muda yang seterusnya mampu mempersembahkan prestasi tinggi dalam bidang sukan yang diceburi.

Menurut kertas kerja yang dibentangkan oleh Hussein Mahmood, (1985) dalam seminar kenangsaan di Universiti Utara Malaysia (UUM), satu tinjauan telah dibuat oleh Unit Disiplin Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pelajaran pada tahun 1983. Didapati (83%) daripada pelajar-pelajar beranggapan bahawa kegiatan ko-kurikulum sedikit pun tidak menjejaskan kecemerlangan dalam bidang akademik.

Mengikut Redy Jeffry Mohdm Ramli (1997), perkara ini memang benar dan dapat dilihat melalui penglibatan sukan oleh pelajar-pelajar muda yang telah mencipta nama di peringkat antarabangsa semasa alam remaja lagi seperti Jeffery Ong, Nurul Huda Abdullah, Lim Keng Liat, (sukan renang) Ryan Tan, Nicol Ann David (ratu skuas negara), Ong Beng Hee, Shalin Zulkifli, Chai Song Lip, dan seumpamanya. Atlet-atlet remaja ini pada masa yang sama juga merupakan golongan yang banyak memikul tanggungjawab terhadap pelajaran dan keputusan mereka dalam bidang akademik tidak menunjukkan tanda kemerosotan malah memperoleh pencapaian akademik yang lebih cemerlang.

Menurut Ali Mahmood (1998), atlet muda lompat kijang negara, Chai Song Lip walaupun terpaksa mengikuti latihan pusat yang padat di UPM tetapi masih mampu





terdapat beberapa isu utama yang dinyatakan di atas ini bukan sahaja perlu dikupas dan diperbincangkan malah ia telah menjadi isu-isu berikut yang juga menjadi pernyataan masalah yang utama mengapa pengkaji ingin meneruskan tajuk kajian ini dengan lebih mendalam dalam menyaingi arus global sukan di negara kita pada hari ini.

Isu Pelancaran Program Sukan Teras

Pelancaran Program Sukan Teras oleh yang berbahagia Datuk Azalina Othman Said, Menteri Belia dan Sukan pada awal Julai 2005. Tujuan pelancaran program tersebut adalah untuk mencari bakat-bakat baru di kalangan pemain muda dan bakat-bakat baru di seluruh pelusuk tanah air. Tujuan utama program ini dilancarkan adalah untuk memastikan negara kita tidak ketandusan pemain atau atlit yang akan menggantikan pemain senior sekarang. Bakat-bakat baru akan diberi bimbingan yang lebih sistematik dan berterusan untuk di ketengahkan ke peringkat nasional dan antarabangsa.

Isu Pelancaran Program Realiti TV, My Team

Petikan di halaman berita sukan, Berita Harian pada 19 Januari 2006, Pelancaran Program Realiti TV, *My Team* oleh yang berbahagia Datuk Azalina Othman Said, Menteri Belia dan Sukan. Pelancaran program baru tersebut adalah bertujuan untuk mencari bakat baru pemain-pemain bola sepak di kalangan pemain amatur dari seluruh negara yang akan dilatih dan dipilih untuk mewakili pasukan *My Team*. Pemain-pemain yang terpilih dalam pasukan *My Team* ini akan menentang pasukan kebangsaan negara pada penghujung bulan Mei iaitu seminggu sebelum tarikh kejohanan Piala Dunia Bola





Sepak 2006 bermula. Dari kacamatanya orang ramai, pelancaran program ini sememangnya akan memberi kesan yang baik walau bagaimanapun pelaksanaannya mungkin meragukan kerana ada tiga sebab.

Yang pertama menurut pandangan dari beberapa orang pakar dalam bidang sukan usaha mencari bakat baru seharusnya bermula daripada pemain-pemain di akar umbi (*melentur buluh biarlah dari rebungannya*) atau di peringkat sekolah rendah lagi. Bimbingan dan latihan yang digilap pada usia yang muda ini akan memberi kesan yang lebih efektif berbanding pemain yang telah meningkat usia. Kedua, program ini seolah-olah ingin bersaing dan menunjukkan bahawa Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah ketandusan idea dalam usaha mencungkil bakat baru di kalangan pemain-pemain muda.

Sebab yang ketiga pula ialah tujuan pelancaran program ini adalah semata-mata untuk mendapatkan publisiti dan keuntungan yang besar hasil daripada promosi sukan bola sepak melalui program realiti TV.

Apa sahaja jenis pandangan dan kritikan orang ramai tentang tujuan program ini, yang lebih penting ialah usaha proaktif yang dimainkan oleh penganjur program ini patut diberi pujian yang tinggi kerana usaha ini secara langsung akan menjadi titik tolak kepada perkembangan sukan lain disamping ia boleh menyemarakkan lagi suasana dan arena sukan negara masa kini yang semakin hari semakin kurang mendapat tempat di hati peminat.



1.3 Objektif Kajian

Menjurus kepada masalah dan persoalan yang sering wujud di kalangan pelajar yang terlibat dalam bidang sukan, maka objektif kajian ini bertujuan:

- a. Untuk melihat corak penglibatan pelajar sekolah di peringkat menengah rendah dalam bidang sukan menjejaskan pencapaian akademik mereka.
- b. Untuk melihat sama ada faktor penglibatan dalam sukan teras seperti bola sepak akan lebih mempengaruhi dalam pencapaian akademik.
- c. Untuk mengetahui apakah faktor-faktor pendorong dan penghalang kepada pelajar-pelajar sekolah yang melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sukan.
- d. Untuk mengenalpasti persepsi pelajar mengenai tahap prestasi kesukanan diri setelah beralih ke peringkat menengah atas.

1.4 Hipotesis Kajian

Dalam konteks ini, pengkaji adalah menghipotesiskan bahawa prestasi yang cemerlang dalam sukan teras bola sepak tidak mempengaruhi pencapaian cemerlang dalam bidang akademik pelajar-pelajar sekolah menengah rendah di sekolah menengah kebangsaan Narinang dalam daerah Kota Belud.

1.4.1 Hipotesis No1:-

Ho₁ : tiada perkaitan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan tahap penglibatan sukan teras bola sepak di kalangan pelajar menengah rendah.

Ho₂ : tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian akademik di antara pelajar lelaki yang aktif dengan pelajar yang tidak aktif dalam sukan.

Ho₃ : tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian akademik di antara pelajar yang mewakili satu permainan atau lebih daripada satu jenis permainan di peringkat MSSG dan MSSN.

1.5 Definisi Operasional

Istilah-istilah yang digunapakai dalam konteks penyelidikan ini didefinisikan seperti berikut di mana maksudnya terbatas untuk kajian ini sahaja.

Kesan : Pengaruh atau akibat daripada penglibatan aktif dalam bidang sukan terhadap pencapaian akademik.

Prestasi Sukan : Penglibatan aktif dalam satu atau lebih daripada satu permainan dan mencapai perwakilan sehingga ke peringkat MSSG atau MSSN.

Pencapaian Akademik : Keputusan Peperiksaan yang dilaksanakan di peringkat sekolah yang dicapai oleh pelajar dengan pangkat:

Cemerlang

– (5A – 8A)

Baik

– (3A – 4A)

Memuaskan

- (1A – 2A)

Lulus

- (Tiada A)



Pelajar Menengah Rendah:

Pelajar yang aktif dalam bidang sukan teras bola sepak dan pernah mewakili sekolah ke peringkat MSSG atau MSSN dalam satu atau lebih daripada satu permainan semasa berada di Tingkatan Satu, Dua, dan Tiga.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada pelajar-pelajar lelaki dalam tingkatan empat dan lima sahaja, di Sek. Men. Keb. Narinang dalam daerah Kota Belud, Sabah. Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar yang melibatkan diri sepenuhnya dalam aktiviti sukan dan pernah mewakili sekolah sehingga ke peringkat (MSSG) atau (MSSN) semasa berada di tingkatan menengah rendah.

Bilangan sampel pelajar yang dipilih seramai 28 orang yang terdiri daripada pelajar lelaki SMK Narinang. Bilangan sampel ini meliputi pelajar-pelajar yang bergiat aktif dalam sukan teras bola sepak samada satu permainan mahupun lebih daripada satu permainan dan telah mewakili sekolah sekurang-kurangnya di peringkat MSSG atau MSSN. Sampel kajian adalah pelajar-pelajar dari tingkatan empat dan tingkatan lima sahaja.

Hasil daripada dapatan kajian ini menggambarkan secara keseluruhan populasi sekolah-sekolah yang terlibat sebagai sampel kajian di sekolah menengah kebangsaan





Narinang dalam daerah Kota Belud sahaja. Pencapaian akademik sampel pelajar dinilai dari segi keputusan Peperiksaan yang dilaksanakan oleh sekolah yang telah diduduki oleh sampel kajian pada tahun 2006. Segala penganalisaan data dan perbincangan adalah berpandukan data-data yang diperolehi melalui soal selidik yang telah dijawab dengan lengkap oleh responden.

1.7 Limitasi Penyelidikan

Penyelidikan ini hanya dijalankan oleh penyelidik selama satu semester sahaja iaitu pada semester II, sesi 2006/2007. Segala urusan penyelidikan terpaksa dibuat dalam masa yang singkat memandangkan tempoh masa yang diperuntukkan bagi menyiapkan kertas projek ini begitu terhad. Penyelidikan ini hanya dapat dilakukan dengan adanya sampel (kalangan pelajar) yang pernah mewakili sekolah ke peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Gabungan Kota Belud (MSSG) atau ke peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri (MSSN).

Soal Selidik yang diedarkan tidak mendapat pulangan seperti yang dijangkakan. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa perkara seperti berikut:

1. Sikap responden yang kurang bekerjasama untuk mengisi borang soal selidik,
2. Kesukaran mengawal responden supaya memberi maklumat secara jujur dan tepat,





3. Sebilangan kecil pelajar yang merupakan wakil ke peringkat sukan (MSSG) atau (MSSN) di sekolah kajian mungkin tidak terpilih sebagai responden untuk mengisi borang soal selidik,
4. Kesukaran menghubungi semula responden untuk menyelesaikan sebarang kemusykilan dan kekurangan data yang diterima.

1.8 Kepentingan Kajian

Penglibatan pelajar dalam bidang sukan merupakan sebahagian daripada aktiviti ko-kurikulum di sekolah. Namun penyertaan dan penglibatan secara aktif di kalangan pelajar dalam bidang sukan masih lagi dipandang rendah atau rasa sangsi oleh masyarakat kerana wujudnya tanggapan yang negatif tentang pengaruhnya ke atas bidang akademik, khususnya keluhan dan masalah yang ditimbulkan sendiri oleh kalangan pelajar itu sendiri.

Dengan itu, kajian ini dibuat bagi menjelaskan permasalahan yang timbul dan perkaitannya antara penglibatan aktif dalam sukan teras bola sepak dan kesannya terhadap pencapaian akademik pelajar. Hasil daripada kajian ini diharapkan akan dapat:

- i memberikan penjelasan dan gambaran kepada masyarakat, para penyelidik, ibu bapa dan golongan pelajar bahawa dalam bidang sukan tidak seharusnya menjejaskan pencapaian akademik.

